

Perbandingan penterjemahan *Majāz Mursal* al-Quran antara Yayasan Restu dengan al-Hidayah House of Quran

[Comparison of Quranic synecdoche translation between Yayasan Restu and al-Hidayah House of Quran]

Nasimah Abdullah* & Saifulah Samsudin

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

* Corresponding Author: Assoc. Prof. Dr. Nasimah Abdullah. Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Selangor, Malaysia. E-Mail: nasimah@kuis.edu.my. Telp.: (+60) 129837495. ORCID iD: <https://orcid.org/0000-0003-1896-103X>.

Keywords:

Synecdoche; The Quran; Translation; Explicit; Implicit.

ABSTRACT

Majāz mursal is one of the components of Arabic rhetoric which is categorized as al-Majāz. The comparable term to it in English is synecdoche. The implicit meaning of synecdoche cannot be interpreted according to the sentence structure based on the words used because there is an expansion of the sense. A word-by-word transfer is often one of the problems in transferring meaning from the source language into the target language. Therefore, this study aims to compare the strategies used by the Restu Foundation and al-Hidayah House of Quran in translating synecdoche in Quranic discourse to see the equivalence of the actual meaning found in the Quran with the target text. This study is a study of literature review and the type of qualitative research as it adopts the method of text content analysis and purpose-based sampling techniques. This study makes the books of al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān lī al-Zarkashī (2001) and al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān lī al-Suyūṭī (2003) as a source of data. Analysis of translation data for two (2) chosen corpus is based on explicit concepts introduced by Vinay and Darbelnet (1995) and the standard transfer operation of explicit proposed by Klaudy and Károly (2005). This study found that 13 out of 48 synecdoche translation data differed in translation approach. Similarly, the use of a word-by-word approach causes no sense of meaning to the source text. Therefore, the approach should be avoided as Arabic and Malay have different language use. In order to achieve compatibility in the translation, the implicit meanings found in the Quranic synecdoche must be presented in the target text.

Kata Kunci:

Majāz mursal; al-Quran; Penterjemahan; Eksplisit; Implisit.

ABSTRAK

*Majāz mursal ialah salah satu komponen ilmu retorik bahasa Arab (al-Balāghah) yang dikategorikan sebagai al-majāz. Istilah sebanding dengannya dalam bahasa Inggeris ialah "synecdoche". Makna implisit yang wujud pada *majāz mursal* tidak dapat diinterpretasikan mengikut binaan ayat sebagaimana perkataan itu digunakan kerana berlaku peluasan makna. Pemandahan kata demi kata kerap kali menjadi masalah dalam pemindahan makna daripada*

bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran. Oleh itu, kajian ini bertujuan membuat perbandingan strategi yang digunakan oleh Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran dalam penterjemahan *majāz mursal* dalam wacana al-Quran untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan jenis penyelidikan secara kualitatif kerana mengguna pakai kaedah analisis kandungan teks dan teknik persampelan berasaskan tujuan. Kajian ini menjadikan karya *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān li al-Zarkashī* (2001) dan *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān li al-Suyūṭī* (2003) sebagai sumber data. Analisis data terjemahan bagi dua (2) korpus yang dipilih adalah berlandaskan konsep eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dan operasi pemindahan standard pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Klaudy dan Károly (2005). Kajian ini mendapati 13 daripada 48 data terjemahan *majāz mursal* mempunyai perbezaan pendekatan terjemahan. Begitu juga terdapat penggunaan pendekatan secara kata demi kata yang menyebabkan tidak berlakunya kesepadanan makna dengan teks sumber. Oleh itu, pendekatan tersebut perlu dielakkan kerana bahasa Arab dan Melayu mempunyai penggunaan bahasa yang berbeza. Untuk mencapai kesepadanan dalam terjemahan, makna implisit yang terdapat dalam *majāz mursal* al-Quran perlu ditampilkan ke dalam teks sasaran.

Received: April 28, 2022

Accepted: October 28, 2022

Online Published: December 31, 2022

How to Cite:

Abdullah, N., & Samsudin, S. (2022). Perbandingan penterjemahan *Majāz Mursal* al-Quran antara Yayasan Restu dengan al-Hidayah House of Quran. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 949-961. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.298>

1. Pendahuluan

Bahasa merupakan wahana untuk menyampaikan informasi kepada manusia (Ibn Sinān, 2010) dan melaluinya jugalah manusia boleh berhubungan antara satu sama lain secara aktif mengikut sifat bahasa yang berbeza (Hall Jr., 1968). Oleh sebab itu, pemindahan mesej dari satu bahasa ke bahasa lain amatlah signifikan agar maklumat dapat disampaikan walaupun berlainan bahasa. Atas dasar itu, teks suci al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab telah diterjemahkan ke bahasa-bahasa lain seperti Inggeris, Jerman, Turki, Parsi (Zadeh, 2015) dengan tujuan menyampaikan mesej yang terkandung di dalam al-Quran kepada orang yang tidak boleh berbahasa Arab. Begitu juga, teks suci al-Quran telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh banyak pihak sama ada secara perseorangan atau secara kolektif (Abdullah & Abd Rahman, 2016). Keberadaan pelbagai teks terjemahan dalam pasaran sama ada sumbangan individu atau secara kolektif adalah sangat signifikan kepada komuniti Melayu yang tidak ada asas pengajian dan pengalaman pendidikan bahasa Arab kerana mereka sudah pasti akan melihat lebih lanjut kepada teks terjemahan untuk mendalami isi kandungan al-Quran (Abdullah, 2015b.).

Walau bagaimanapun, banyak kajian literatur telah membuktikan ketidakbolehterjemahan al-Quran ke dalam bahasa lain dan keterbatasan terjemahan teks al-Quran ke bahasa lain (Siddiek, 2012). Hal ini sebenarnya tidak bertentangan dengan konsep kerelatifan linguistik yang membuktikan bahawa penterjemah tidak dapat memindahkan makna dalam bahasa sasaran seratus peratus kerana kadang-kadang terdapat perkataan dalam satu bahasa yang tidak dapat digantikan dengan perkataan dalam bahasa lain sepenuhnya (House, 2013). Begitu juga elemen *i'jāz al-Qur'ān* (kemukjizatan al-Quran atau *inimitability of the Quran*) telah menghadkan teks terjemahan al-Quran sebagai suatu bentuk penjelasan semata-mata yang tidak boleh menandingi status asal al-Quran (Rosli, Abdullah, & Rahman, 2020).

Dalam usaha memberi tafsiran kepada mesej al-Quran, penterjemah sudah pasti memiliki pelbagai pilihan perkataan, frasa atau ayat, dan dalam waktu yang sama penterjemah akan meneliti penggunaan makna literal, figuratif atau sebagainya (Abdullah, 2020). Penterjemah selaku pihak yang menangani masalah perbezaan unsur-unsur bahasa sudah pasti menggunakan pendekatan, kaedah atau strategi yang munasabah untuk mencapai makna terdekat. Dengan sebab itu, terjemahan al-Quran mempunyai pelbagai versi yang terhasil daripada pandangan penterjemah itu sendiri berdasarkan kefahamannya untuk menyampaikan makna al-Quran (Abdullah, 2020).

Kajian Abdullah dan Abd Rahman (2016), mendapati bahawa terjemahan ayat figuratif al-Quran seperti *kināyah*, *isti'ārah* dan *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu yang dihasilkan secara kolektif adalah lebih baik berbanding dengan terjemahan individu. Kajian Abdullah, Samsudin dan Suliman (2020b.), pula mendapati bahawa penterjemahan *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu tidak dibincangkan secara khusus dan hanya dibincangkan dalam isu makna figuratif, *mushākalah*, konteks dalam terjemahan, tahap kebolehbacaan teks dan kesepadanan formal. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan membuat perbandingan strategi yang diaplikasikan oleh para penterjemah al-Quran yang diselenggarakan oleh dua penerbit tanahair iaitu Yayasan Restu dan Al-Hidayah House of Quran dengan memberi fokus kepada penterjemahan *majāz mursal* dalam wacana al-Quran.

Yayasan Restu merupakan sebuah organisasi yang giat dalam pengeluaran dan penghasilan mashaf al-Quran serta penerbitannya dengan reka bentuk eksklusif. Penubuhannya adalah pada tahun 1987 dan juga dikenali sebagai pusat seni warisan Islam, seni kaligrafi, reka bentuk motif budaya kebangsaan serta pusat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk al-Quran dan al-Hadis (<https://yayasanrestu.com/history/>). Dalam perkembangan terkini, Yayasan Restu telah membina pusat percetakan al-Quran kedua terbesar di dunia iaitu Kompleks Nasyrul Quran yang terletak di Presint 14, Putrajaya. Yayasan Restu bukan sahaja telah menjalankan usaha menterjemahkan al-Quran ke dalam bahasa Melayu, malah juga ke dalam bahasa Inggeris, Hausa (Nigeria) dan Mandarin. Antara terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu adalah “Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan” yang pertama kali dicetak pada tahun 2005. Para penterjemahnya terdiri daripada beberapa orang ahli akademik pusat pengajian tinggi yang pelbagai (Anon, 2012).

Begitu juga dengan “*Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*” yang diterbitkan dan dicetak oleh Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. Teks ini disemak oleh jawatankuasa yang terdiri daripada 10 orang ahli akademik pusat pengajian tinggi seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat penerbitan yang beroperasi di Dolomite Business Park, Batu Caves, Selangor dan telah mencetak pelbagai buku agama termasuklah terjemahan al-Quran (Anon, 2017).

2. Makna Implisit dalam *Majāz Mursal*

Majāz mursal ialah salah satu komponen ilmu retorik bahasa Arab (*al-Balāghah*) yang dikategorikan sebagai *al-majāz*. Untuk menjadikan wacana lebih menarik, orang Arab menggunakan gaya bahasa *al-majāz* dan penggunaan gaya bahasa ini sudah pasti menjadikan makna sesuatu perkataan itu sangat indah (Anon, 2021). Hal ini berbeza pula dengan bidang ilmu semantik yang mengkaji tentang makna dan bidang pengajian terjemahan moden yang mengkaji tentang pemindahan makna dari satu bahasa kepada bahasa yang lain. Kedua-dua bidang ini menyentuh topik *al-majāz* dalam dimensi lain iaitu perubahan semantik (*semantic change*) (Abdullah, 2015a.). Antara faktor perubahan semantik adalah peluasan makna (al-Khūlī, 1991). Walau apa pun perbezaan cakupan bidang pengajian, istilah *al-majāz* dan peluasan makna merujuk kepada penggunaan perkataan, frasa atau ayat yang tidak boleh difahami dari unsur bahasa atau konstituennya kerana mengandungi makna implisit. Makna implisit bermaksud makna tersirat atau makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan (Anon, 2015).

Dari segi pengajian retorik Arab, *majāz mursal* merujuk kepada penggunaan perkataan dan makna perkataan yang berlainan daripada makna sebenar kerana mempunyai hubungan tidak setara dengan kata iringan (*qarīnah*) yang dapat dilihat atau disebut di dalam ayat. Hubungan tidak setara bermaksud hubungan dari segi makna ujaran, bukan dalam bentuk persamaan atau keserupaan (Anon, 2021). Antara hubungan tersebut adalah hubungan sebab atau punca (علاقة سببية), hubungan kesan atau akibat (علاقة مسببية), hubungan separa (علاقة جزئية), hubungan berkaitan dengan perkara yang telah berlaku (اعتبار ما كان), hubungan berkaitan dengan perkara yang belum berlaku (اعتبار ما سيكون), hubungan tempat (علاقة محلية), hubungan keadaan (علاقة حالية) dan lain-lain (Bakri,

2001). Hubungan-hubungan lain yang dimaksudkan adalah hubungan keseluruhan (علاقة كلية) dan hubungan alat (علاقة آلية) (Kaaṭi', 2008; al-Zarkashī, 2001). Kesemua hubungan ini perlu dizahirkan dalam teks terjemahan supaya tercapainya kesepadanan makna yang dimaksudkan oleh teks sumber.

Contohnya ayat (أرسلنا على الأعداء عينا). Penterjemahan secara literal ialah “Kami telah menghantar mata kepada musuh.” Sudah pasti pendekatan terjemahan sebegini tidak boleh mencapai kesepadanan makna dengan teks sumber Arab kerana perkataan عينا dalam ayat tersebut digunakan secara implisit yang mempunyai hubungan separa. Berdasarkan konteks penggunaan, maksud perkataan عينا dalam ayat tersebut ialah الجاسوس iaitu pengintip.

Dari segi retorik Arab, perkataan عينا iaitu mata menjadi sebahagian daripada fungsi penting kepada pengintip iaitu الجاسوس dalam menjalankan tugasnya, dan tanpa mata adalah mustahil dia boleh membuat kerja intipan. Oleh itu, ayat tersebut perlu diserlahkan makna implisitnya kepada “Kami telah menghantar pengintip.” Daripada contoh tersebut dapat difahami bahawa makna implisit tidak dapat diinterpretasikan mengikut binaan ayat berdasarkan perkataan itu digunakan kerana berlaku peluasan makna.

Makna implisit sentiasa menjadi salah satu masalah dalam pemindahan makna daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran kerana makna tersebut bukanlah sesuatu yang dapat dilihat dengan ketara. Namun, makna implisit yang ada pada *majāz mursal* dapat dinyatakan dalam teks sasaran melalui penggunaan strategi penterjemahan tertentu (Abdullah et al., 2020b.). Mengeksplisitkan makna implisit adalah perlu kerana maklumat implisit kadang-kadang menjadi sebahagian daripada keseluruhan komunikasi yang ingin dihajatkan oleh penutur asal dan sebahagian maklumat adakalanya sengaja dibiarkan implisit atas faktor binaan bahasa sumber, mesej yang dikongsi bersama semasa interaksi berlangsung, ataupun maklumat tersebut telah ada di tempat lain dalam teks atau ujaran (Larson, 1998).

3. Isu Penterjemahan *Majāz Mursal* Dalam Wacana al-Quran

Al-Quran mempunyai ciri-ciri bahasa yang unik dan mengandungi unsur retorik yang tinggi (al-Rūmī, 2000). Antara unsur retorik tersebut adalah gaya bahasa *majāz mursal*. Penterjemahan gaya bahasa tersebut ke dalam bahasa Melayu menjadi cabaran besar kepada penterjemah kerana bahasa Arab dan Melayu adalah daripada kelompok bahasa yang berbeza yang sudah pasti mempunyai kelainan dari segi unsur linguistik, semantik dan lain-lain. Ini sejajar dengan pandangan Larson (1998) yang mengatakan bahawa konsep dalam bahasa sumber adakalanya tidak mempunyai padanan leksikal dalam bahasa sasaran disebabkan perbezaan geografi, adat istiadat, kepercayaan, wawasan dan lain-lain.

Untuk memahami makna wacana al-Quran, penterjemah perlu mengetahui terlebih dahulu *asbāb nuzūl al-āyat* (أسباب نزول الآية) atau sebab-sebab penurunan ayat al-Quran yang boleh diperolehi dalam kitab-kitab tafsir al-Quran (Abdullah, 2015a.). Sebenarnya, istilah *asbāb nuzūl al-āyat* dalam bidang pengajian al-Quran merupakan istilah sebanding dengan konteks situasi dalam bidang pengajian linguistik (Abdullah, 2015a.). Konteks situasi ialah konteks sosial yang melatari sesuatu ujaran yang merangkumi pengujar dan penerima ujaran, hubungan kedua-duanya dan tujuan ujaran itu diucapkan (Jumingan, 2006). Penterjemahan *majāz mursal* al-Quran ke dalam bahasa Melayu memerlukan pertimbangan terhadap konteks penggunaan. Hal ini sejajar dengan pandangan Azhar (1993), bahawa bahasa mustahil digunakan secara terpisah daripada konteks kerana semua komunikasi memerlukan konteks dan tanpa konteks tidak akan ada makna. Dengan sebab itu, Nida (2002), menegaskan bahawa petunjuk sebenar kepada makna dalam proses penterjemahan ialah konteks. Konteks adalah antara perkara yang boleh menentukan makna literal atau makna figuratif dalam sesuatu wacana.

Kajian Samsudin, Abdullah dan Suliman (2020), mendapati bahawa penggunaan pendekatan terjemahan secara literal semata-mata dalam menterjemahkan *majāz mursal* al-Quran tidak dapat menampilkan makna implisit yang terkandung di dalamnya. Menurut Abdullah et al. (2020b.), terjemahan secara asasnya melibatkan dua (2) perkara utama iaitu pemindahan bentuk dan pemindahan makna. Bentuk bermaksud unsur-unsur yang terdapat dalam teks asal seperti perkataan, susunan ayat dan gaya bahasa (Ainon & Abdullah, 2006). Manakala mesej atau isi kandungan komunikasi diistilahkan sebagai makna. Untuk mencapai kesepadanan makna, perkara yang perlu dipindahkan semasa penterjemahan ialah keseluruhan teks, bukannya unsur bahasa sumber atau konstituennya. Oleh itu, dalam proses pemindahan makna daripada teks sumber al-Quran ke dalam bahasa Melayu

kadang-kadang akan berlaku gangguan komunikasi yang terhasil daripada gangguan makna atau lebih dikenali dengan istilah lain sebagai gangguan semantik. Gangguan komunikasi akan terjadi jika makna implisit pada *majāz mursal* al-Quran tidak dieksplicitkan dalam teks sasaran Melayu (Abdullah et al., 2020b.). Namun, adakalanya penggunaan terjemahan secara literal tidak menimbulkan gangguan komunikasi kerana masyarakat tidak perasan gaya bahasa tersebut adalah sebahagian daripada unsur figuratif (Abdullah, 2013; Abdullah, 2017).

Dengan erti kata lain, bukan semua *majāz mursal* al-Quran boleh diterjemahkan secara literal kerana terdapat faktor lain yang masih boleh menentukan tahap kebolehterjemahannya secara literal atau sebaliknya seperti kelainan unsur semantik, budaya dan konteks antara bahasa (Abdullah, Samsudin, & Suliman, 2021). Abdullah (2019) dan Nurbayan (2016) juga menegaskan bahawa kehilangan makna *majāz mursal* al-Quran dalam teks terjemahan kadang-kadang disebabkan oleh penterjemah terlalu bergantung kepada cara terjemahan literal. Oleh itu, didapati bahawa Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan jarang menterjemah *majāz mursal* al-Quran secara literal ke dalam bahasa Melayu (Abdullah, 2011), malah mereka mengambilkira konteks dalam terjemahan (Abdullah, 2016). Abdullah, Samsudin dan Suliman (2020a.) juga menyatakan bahawa sesetengah penterjemah mengaplikasikan pelbagai jenis eksplisitasi untuk memberi penjelasan terhadap makna al-Quran. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan terhadap teks terbitan Yayasan Restu (2012) dan teks terbitan Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. (2017) untuk membuat perbandingan strategi yang digunakan oleh keduanya dalam penterjemahan *majāz mursal* dalam wacana al-Quran.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan. Dalam mengumpul dan menganalisis data, kajian ini menggunakan jenis penyelidikan secara kualitatif. Kajian ini secara asasnya adalah berbentuk analisis kontrasif kerana melibatkan dua bahasa yang berlainan rumpun iaitu Arab dan Melayu. Analisis kandungan teks bagi kajian ini menggunakan kaedah komparatif iaitu membuat perbandingan antara teks terbitan Yayasan Restu (2012) iaitu *Al-Qur'an Mushaf Malaysia dan Terjemahan* dengan teks terbitan Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. (2017) iaitu *Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*. Perbandingan tersebut memfokuskan strategi terjemahan *majāz mursal* dalam wacana al-Quran ke bahasa Melayu.

Kajian ini juga menggunakan analisis deskriptif untuk memberikan gambaran yang jelas dan tuntas tentang strategi *majāz mursal* al-Quran yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Hal ini selaras dengan definisi daripada Syed Arabi (2002) yang mengatakan bahawa analisis deskriptif adalah situasi di mana penulis cuba memberikan gambaran tentang keadaan yang sedia ada. Analisis deskriptif diaplikasikan untuk meneliti kesepadanan makna dalam terjemahan mengikut tafsiran kitab tafsir dan kitab *'ulūm al-Qur'ān* yang muktahab dengan bersandarkan kepada kaedah retorik bahasa Arab. Antara kitab yang dirujuk ialah *Tafsīr al-Baiḍāwī*, *Tafsīr al-Ṭabarī*, *Tafsīr al-Kashshāf li al-Zamakhsharī*, *Tafsīr al-Tahrīr li Ibn 'Ashūr*, dan *al-Tafsīr al-Munīr li Wahbah al-Zuhaylī*.

Kajian ini juga menjadikan karya *al-Burhān fi 'Ulūm al-Qur'ān li al-Zarkashī* (2001) dan *al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'ān li al-Suyūfī* (2003) sebagai sumber data kerana kedua-dua kitab tersebut menghimpunkan jenis-jenis hubungan *majāz mursal* al-Quran. Sebanyak 48 data telah dikumpulkan dari kedua-dua sumber tersebut. Kemudian, kajian ini merujuk kepada buku *al-Takwīnāt al-Nahwiyyah li al-Majāz al-Mursal fi al-Qu'rān al-Karīm* (2008) untuk menyemak jenis hubungan *majāz mursal*. Justifikasi pemilihan buku tersebut adalah kerana perbincangannya yang tuntas tentang hubungan tidak setara yang terdapat dalam *majāz mursal* al-Quran dari sudut konteks penggunaan dalam struktur ayat.

Untuk tujuan analisis perbandingan terjemahan, data kajian dipilih secara persampelan berasaskan tujuan. Kaedah persampelan ini merujuk kepada pemilihan sampel kajian yang berasaskan ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik yang sesuai dengan objektif kajian (Long, 2014). Sehubungan dengan itu, kajian ini telah menemui tiga belas (13) *majāz mursal* al-Quran yang mempunyai perbezaan strategi terjemahan antara dua teks terjemahan yang dikaji.

Analisis data terjemahan bagi dua (2) korpus yang dipilih adalah berlandaskan konsep eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1995) dan operasi pemindahan standard pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Klaudy & Károly (2005). Konsep eksplisitasi oleh Vinay dan Darbelnet diguna pakai kerana kedua-duanya mendefinisikan eksplisitasi sebagai satu prosedur dalam terjemahan yang menzahirkan makna implisit yang wujud dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran atas faktor konteks penggunaan. Hal ini adalah sejajar dengan makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa *majāz mursal* yang boleh mempengaruhi keputusan pengeksplisitan yang dilaksanakan dalam penterjemahan.

mengandungi hubungan (الكليّة) kerana menyumbat keseluruhan jari ke dalam telinga adalah mustahil, dan yang dimaksudkan di sini sebenarnya adalah “anak jari” (أنامل). Dengan sebab itu, THHQ cuba menyerlahkan makna sebenar *majāz mursal* tersebut dengan terus menterjemah perkataan أصابع kepada anak jari iaitu (أنامل). Strategi sebegini dikenali sebagai bentuk eksplisitasi pengkhususan leksikal.

Pengkhususan leksikal merujuk kepada satu keadaan unit makna umum digantikan dengan unit bahasa sasaran yang lebih spesifik. Mansor (2016), mendefinisikan pengkhususan leksikal sebagai bentuk penukaran item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berasaskan maksud yang wujud dalam bahasa sasaran. Strategi ini lebih menepati kehendak makna sebenar mengikut pentafsiran dalam kitab-kitab tafsir yang muktabar.

ii. Surah *Ghāfir* [40] ayat 13:

﴿هُوَ الَّذِي يُرِيكُمْ آيَاتِهِ وَيُنَزِّل لَكُمْ مِنَ السَّمَاءِ رِزْقًا وَمَا يَتَذَكَّرُ إِلَّا مَنْ يُنِيبُ ﴿١٣﴾﴾

Terjemahan Yayasan Restu:

Dialah Tuhan Yang memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda-Nya (yang menunjukkan keesaanNya dan kekuasaanNya), dan menurunkan sebab-sebab rezeki dari langit. Tiadalah yang beringat dan mengambil pelajaran (daripada yang tersebut) melainkan orang yang kembali (kepada Allah).

Terjemahan Al-Hidayah House of Quran:

Dialah yang memperlihatkan tanda-tanda (kekuasaan)Nya kepadamu dan menurunkan rezeki dari langit untukmu. Dan tidak lain yang mendapat pelajaran hanyalah orang yang kembali (kepada Allah).

Di dalam ayat ini, Allah SWT mengingatkan manusia tentang tanda kebesarannya iaitu penurunan rezeki daripada langit yang menjadi sebab manusia serta ternakan memperoleh sumber rezeki dan kehidupan (al-Sa’di: 2002). Secara logik akal, manusia tidak boleh menerima bahawa rezeki diturunkan oleh Allah SWT dari langit secara hakiki. Oleh itu, secara retoriknya perkataan رزقا mempunyai hubungan kesan atau akibat (*musabbab*).

Disebut رزقا dalam ayat al-Quran sedangkan yang dikehendaki sebenarnya ialah air hujan yang turun dari langit yang menjadi punca kepada adanya rezeki (al-Zamakhsharī, 1995; al-Suyūṭī, 2003).

Dapat diperhatikan bahawa TYR tidak menggunakan terjemahan literal, sebaliknya cuba menjelaskan makna implisit yang terkandung pada perkataan رزقا iaitu “menurunkan sebab-sebab rezeki dari langit”. Hal ini bermakna TYR mengaplikasikan bentuk eksplisitasi pengkhususan leksikal. Manakala THHQ terus menterjemahkan perkataan tersebut secara literal yang menimbulkan gangguan komunikasi kepada pembaca sasaran kerana mereka tertanya-tanya bagaimana mungkin rezeki turun dari langit. Malah terjemahan secara literal tidak selari dengan pentafsiran al-Zamakhsharī dan al-Suyūṭī. Oleh itu, strategi eksplisitasi pengkhususan leksikal yang diguna pakai oleh TYR lebih berupaya menyampaikan makna terdekat sebagaimana yang ditafsirkan oleh kitab tafsir.

5.2 Terjemahan Literal dan Penambahan Maklumat dalam Bentuk Kurungan

TYR menggunakan terjemahan literal bagi ayat 99 surah *al-Tawbah* [9] tetapi THHQ menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk kurungan. Hal ini berbeza dengan ayat 38 surah *al-Mā'idah* [5] dan ayat 40 surah *al-Shūrā* [42] kerana THHQ pula yang menggunakan terjemahan literal, sedangkan TYR menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk kurungan bagi kedua-dua ayat tersebut. Berikut dikemukakan hanya analisis terhadap ayat 99 surah *al-Tawbah* [9] dan ayat 38 surah *al-Mā'idah* [5] sebagai penjelasan kepada perbezaan strategi terjemahan tersebut.

dengan TYR yang menggunakan strategi eksplisitasi iaitu menambah maklumat dalam bentuk kurungan. Strategi ini boleh menjelaskan maksud yang dikehendaki daripada perkataan *أيديهما* kerana terjemahannya menyatakan bahagian yang harus dipotong sebagai hukuman kepada mencuri.

5.3 Terjemahan Literal dan Penambahan Maklumat dalam Bentuk Nota Kaki

TYR menggunakan terjemahan literal bagi ayat 174 surah *al-Baqarah* [2], manakala THHQ menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk nota kaki.

v. Surah *al-Baqarah* [2] ayat 174:

لَإِنَّ الَّذِينَ يَكْتُمُونَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ الْكِتَابِ وَيَشْتُرُونَ بِهِ تَمَتًّا قَلِيلًا أُولَٰئِكَ مَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ إِلَّا النَّارَ وَلَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿١٧٤﴾

Terjemahan Yayasan Restu:

Sesungguhnya orang yang menyembunyikan (meminda atau mengubah) apa-apa keterangan kitab suci yang telah diturunkan oleh Allah dan menjual dengan harga yang murah (daripada keuntungan duniawi), mereka itu tidak mengisi dalam perut mereka selain daripada api neraka dan Allah tidak akan berkata-kata kepada mereka pada hari kiamat dan Dia tidak pula akan menyucikan mereka (daripada dosa) dan mereka pula akan beroleh azab yang pedih.

Terjemahan Al-Hidayah House of Quran:

Sesungguhnya orang yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan Allah, iaitu al-Kitab dan menjualnya dengan harga yang sedikit (murah), mereka itu sebenarnya tidak memakan (tidak menelan) ke dalam perutnya melainkan api (1) dan Allah tidak akan berbicara kepada mereka pada hari kiamat dan tidak akan menyucikan mereka dan bagi mereka seksa yang amat pedih.

(1) Makanan yang dimakan berasal dari hasil yang menyembunyikan ayat-ayat yang diturunkan Allah, menyebabkan mereka masuk ke dalam api neraka.

Ayat ini merupakan peringatan tegas Allah SWT kepada ahli ilmu agar mereka tidak menyembunyikan ilmu yang telah diturunkan kepada para Rasul (al-Sa'dī, 2002). Ayat ini mengumpamakan mereka yang menyembunyikan ilmu seperti memakan api. Perkataan *النار* iaitu “api neraka” dalam ungkapan *ما يأكلون في النار* mengandungi hubungan kesan atau akibat (*musabbab*). Hubungan ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut kesan atau akibat daripada sesuatu perkara, sedangkan yang dimaksudkan adalah sebab atau punca kepada perkara tersebut (al-Zarkashī, 2001).

Dapat diperhatikan bahawa TYR menterjemahkan perkataan *النار* secara literal semata-mata. Kaedah sebegini tidak sama sebagaimana pentafsiran kitab tafsir muktabar seperti al-Ṭabarī (2005) dan al-Zarkashī (2001) yang menjelaskan bahawa perkataan *النار* disebut di sini merujuk kepada punca atau sebab yang boleh membawa ke neraka. Penggunaan strategi eksplisitasi dengan penambahan maklumat dalam nota kaki yang diguna pakai oleh teks THHQ boleh meneksplisitkan makna implisit yang terkandung dalam perkataan *النار* iaitu orang yang menyembunyikan ayat-ayat Allah SWT boleh menyebabkan mereka masuk neraka.

5.4 Kepelbagaian Bentuk Eksplisitasi

Terdapat pelbagai bentuk eksplisitasi yang digunakan oleh kedua-dua teks terjemahan Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran. TYR menggunakan bentuk eksplisitasi pengkhususan leksikal bagi ayat 53 surah *al-Hijr* [15] dan ayat 13 surah *al-Infīṭār* [82], sedangkan THHQ menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk kurungan bagi kedua-dua ayat tersebut. Manakala bagi ayat 43 surah *al-Baqarah* (2) dan ayat 31

surah *al-A'raf* [7] pula, TYR menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk kurungan, sedangkan THHQ menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk nota kaki. Bagi lagi satu (1) ayat iaitu ayat 232 surah *al-Baqarah* [2] pula, TYR menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk kurungan, sedang THHQ menggabungkan bentuk eksplisitasi antara pengkhususan leksikal dengan penambahan maklumat dalam nota kaki. Kelima-lima ayat ini sama sekali tidak menggunakan terjemahan literal. Dikemukakan di sini hanya analisis terhadap ayat 53 surah *al-Hijr* [15] dan ayat 31 surah *al-A'raf* [7] sebagai penjelasan kepada kepelbagaian strategi eksplisitasi tersebut.

vi. Surah *al-Hijr* [15] ayat 53:

﴿قَالُوا لَا تَوْجَلْ إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ عَلِيمٍ﴾

Terjemahan Yayasan Restu:

Mereka menjawab, “Janganlah engkau takut, sebenarnya kami membawa berita gembira bahawa engkau akan beroleh seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu.”

Terjemahan Al-Hidayah House of Quran:

(Mereka) berkata: “Janganlah kamu berasa takut, sesungguhnya kami memberi khabar gembira kepadamu dengan (kelahiran seorang) anak lelaki (yang akan menjadi) orang yang alim.”

Ayat al-Quran ini merujuk kepada perkhabaran gembira akan kelahiran nabi Ishak. Perkataan (غلام عليم) pada ungkapan غلام عليم نبشرك بغير merupakan *majāz mursal*. Perkataan غلام merujuk kepada budak iaitu bermula dari saat dilahirkan iaitu bayi sehinggalah usia menginjak ke remaja (Anon, 2006). Timbulnya persoalan di sini adakah bayi itu yang berilmu غلام atau dia akan menjadi berilmu selepas dia dewasa nanti dan boleh memikul tanggungjawab. Berdasarkan pentafsiran daripada al-Zarkashī (2001) dan al-Baidāwī (2003), frasa غلام عليم adalah merupakan *majāz mursal* dari jenis hubungan berkaitan perkara yang akan berlaku.

Kedua-dua teks terjemahan tidak menterjemahkan ayat tersebut secara literal semata-mata. TYR menterjemahkan ungkapan tersebut kepada “...seorang anak lelaki yang bakal menjadi seorang yang berilmu”. Frasa “yang bakal menjadi” merupakan bentuk eksplisitasi pengkhususan leksikal kerana frasa tersebut mampu menzahirkan makna implisit yang terdapat pada غلام عليم iaitu hubungan berkaitan perkara yang akan berlaku. Manakala, HHQ juga cuba menzahirkan makna implisit tersebut dengan menggunakan eksplisitasi penambahan maklumat dalam bentuk kurungan iaitu “dengan (kelahiran seorang) anak lelaki (yang akan menjadi) orang yang alim”. Penterjemahan sebegini kelihatan selari dengan dasar retorik bahasa Arab dan mampu menzahirkan makna sebenar ungkapan *majāz mursal* tersebut. Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa strategi THHQ yang menggunakan kurungan pada dua tempat berhampiran boleh menyebabkan tahap kebolehbacaan teks terjemahan yang lemah. Perkara ini perlu dielakkan kerana senang atau susahya sesuatu teks terjemahan itu boleh menentukan tahap kefahaman pembaca sasaran (Abdullah, 2021).

vii. Surah *al-A'raf* [7] ayat 31:

﴿يَا بَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ﴾

Terjemahan Yayasan Restu:

Wahai anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah pada tiap-tiap kali kamu ke masjid (atau mengerjakan solat) dan makanlah serta minumlah dan jangan pula kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.

Terjemahan Al-Hidayah House of Quran:

Wahai anak Adam! Pakailah pakaianmu yang indah pada setiap kali (memasuki) masjid (1), makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.



- Abdullah, N. (2017). 'Awāmili lujūi' al-shaikh 'Abdullah Basmeih ilā taṭbīq al-takafu' al-shakli fī tarjamah al-dilālāt al-majāziyyah al-Qurāniyyah. *Proceedings of Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, PANtumn2017. (pp. 518-529). Bangi, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, N. (2020). Pengaruh mazhab fiqah al-Syafi'i: analisis terhadap beberapa teks terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu. *Journal of Muwafaqat*, 3(2), 44–62. Dicapai daripada <http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>.
- Abdullah, N. (2021). Unsur kelewahan dalam teks terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu. *Proceedings of 18th International Conference on Translation (ICT18)*. (pp. 1-8). Shah Alam.
- Abdullah, N. H. (2019). Ḍayā' al-dalālāt al-majāziyyah fī tarjamah uslub al-majāz al-mursal ilā al-lughah al-malāyuwiyyah fī al-Qur'ān al-Karīm. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, 10(2), 44–64. <https://doi.org/10.31436/jlls.v10i2>.
- Abdullah, N., Samsudin, S. & Suliman, N. F. (2020a.). Eksplisitasi dalam terjemahan majāz mursal al-Quran. Dlm. G. Zainuddin, M. I. Ahmad, M. M. Daud, A. R. Ghazali & H. K. @ Iksan (Eds.). *Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (pp. 10-19). Fakulti Pengajian Peradaban Islam, KUIS.
- Abdullah, N., Samsudin, S. & Suliman, N. F. (2020b.). Terjemahan majaz mursal: satu sorotan literatur. *Proceeding of the 7th. International Research Management and Innovation Conference, IRMIC 2020*. (pp. 288-299). Bangi, Selangor, Malaysia.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah Semantik dalam terjemahan majāz mursal al-Quran: Analisis terhadap hubungan Musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508–522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>.
- Ainon, M. & Abdullah, H. (2006). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- al-Baidāwī, N. (2003). *Anwār al-tanzīl wa asrār al-ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Khūlī, M. A. (1991). *Mu'jam 'ilm al-lughah al-naẓarī injilīzī- 'Arabī*. Beirut: Maktabah Lubnān.
- al-Rūmī, F. A. R. (2000). *Khaṣā'is al-Qur'ān al-Karīm*. Riyadh, KSA: Maktabah al-Tawbah.
- al-Sa'dī, A. N. (2002). *Taisir al-karīm al-raḥmān fī tafsīr al-mannān*. Riyadh, KSA: Maktabah Dār al-Salām.
- al-Suyūṭī, J. (1986). *al-Muzhir fī 'ulūm al-lughah wa anwa'ih*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- al-Suyūṭī, J. (2003). *Al-Itqān fī 'ulūm al-Qur'ān*. Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah.
- al-Ṭabarī, A. J. (2005). *Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āyi al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Dār al-Salām.
- al-Zamakhsharī, M. (1995). *Al-Kashshāf*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Zarkashī, B. (2001). *Al-Burhān fī 'ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuḥaylī, W. (2009). *Tafsīr al-munīr*. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr.
- Anon. (2012). *Al-Quran mushaf Malaysia dan terjemahan*. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Anon. (2006). *Kamus Besar Arab Melayu Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2015). *Kamus dewan edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (2017). *Terjemahan al-Quran al-Karim rasm Uthmani dalam bahasa Melayu*. Selangor: al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Anon. (2021). *Kamus kesusasteraan*. M. S. Yaapar (Ed). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar, M. S. (1993). *Sintaksis wacana "yang" dalam bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakri, S. A. (2001). *Al-Balāghah al-'Arabiyyah fī thawbihā al-jadīd*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malāyīn.
- Hall Jr., R. A. (1968). *An essay on language*. Philadelphia: Chilton Books, Educational Division.
- House, J. (2013). *Penterjemahan*. H. Haroon (Trans.). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia dan Universiti Sains Malaysia.
- Ibn 'Ashūr, M. T. (1984). *Tafsīr al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunisia: al-Dār al-Tūnisīyyah.
- Ibn Kathīr, I. (1997). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Ibn Sinān, K. (2010). *Sirru al-faṣāḥah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Jumingan, M. F. (2006). *Glosari pengajian ilmu penterjemahan dan interpretasi: Inggeris-Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Kaatī', F. H. (2008). *Al-Takwīnāt al-naḥwiyyah li majāz mursal fī al-Qur'ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Klaudy, K., & Károly, K. (2005). Implication in translation: Empirical evidence for operational asymmetry in translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13–28. <https://doi.org/10.1556/Acr.6.2005.1.2>.
- Larson, M. L. (1998). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Lanham, New York, Oxford: University Press of America.
- Long, A. S. (2014). *Metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Bandar Baru Bangi: Penerbit UKM.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 7, No. 2, (December, 2022)

- Mansor, I. (2016). Explication in the translation into Malay of Arabic technical culture. Dlm. H. Haroon & N. Ibrahim-Gonzalez (Eds.). *Pengajaran Dan Pembelajaran Terjemahan Dan Interpretasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nida, E. A. (2002). *Contexts in translating (Vol. 41)*. Amsterdam, The Netherlands: John Benjamins Publishing.
- Nurbayan, Y. (2016). *The analysis of a translation of musyakalah verses in the holy Quran published by the Indonesian Department of Religious Affairs*, 1-15. Preprints 2016, 2016080057. <https://doi.org/10.20944/preprints201608.0057.v1>.
- Rosli, M., Abdullah, N., & Rahman, L. A. (2020). I'jāz al-Quran dan konsep kesepadanan dalam terjemahan: Penelitian dari pandangan sarjana barat dan Muslim. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 7(1), 80–88. Dicapai daripada <http://journal.kuis.edu.my/jsass/issues/jsass-vol-7-bil-1>.
- Samsudin, S., Abdullah, N. & Suliman, N. F. (2020). Pengeksplisitan dalam terjemahan majaz mursal: Analisis dalam surah al-Baqarah. *Proceeding of the 7th. International Research Management and Innovation Conference, IRMIC 2020*. (pp. 334-342). Bangi, Selangor, Malaysia.
- Siddiek, A. G. (2012). Viewpoints in the translation of the holy Quran. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 1(2), 18–25. <https://doi.org/10.7575/ijalel.v.In.2p.18>.
- Syed Arabi, I. (2002). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English: A methodology for translation (Vol. 11)*. Amsterdam, The Netherlands: John Benjamins Publishing.
- Zadeh, T. (2015). Quranic studies and the literary turn. *Journal of American Oriental Society*, 135(2), 329–342. <https://doi.org/10.7817/jameroriesoci.135.2.329>.